




# Tuhan-Tuhan dan Raja-Raja





© 2021 Comic Bible Society, LLC



TUHAN MEMILIH DAUD, SEORANG GEMBALA MUDA,  
UNTUK MEMIMPIN UMAT ISREAL.

TUHAN MEMBERKATI  
DAUD DAN TELAH  
MELUASKAN  
KERAJAAN ISREAL.

ANAK RAJA DAUD, SALOMO MEMERINTAH  
SELEPAS DAUD. ISTERI-ISTERI ASING SALOMO  
MULA MEMPENGARUHINYA UNTUK BERPALING  
DARIPADA TUHAN.

TUHAN MULA MERUNTUHKAN KERAJAAN  
SALOMO DARIPADANYA DAN KETURUNAN-NYA.

TETAPI TUHAN MENINGGALKAN SATU PUAK DEMI  
HAMBA-NYA, DAUD - PUAK INI AKAN MEMBERIKAN  
MESIAS YANG TELAH DIJANJIKAN.

SELEPAS KEMANGKATAN SALOMO, KERAJAAN ISREAL  
DIBAHAGIKAN KEPADA ISREAL DAN YEHUDA. ISREAL  
TIDAK PERNAH LAGI KEMBALI KEPADA KEDUDUKAN  
DAN KEKUATAN ASALNYA.

MUKA SURAT SETERUSNYA ADALAH KISAH TENTANG KEJATUHAN  
KEROHANIAN DAN FIZIKAL ISREAL.

# DEWA-DEWI PALSU PERJANJIAN LAMA

PATUNG-PATUNG  
PENYEMBAHAN RAHEL.  
KEJADIAN 31:19

LEMBU EMAS DI SINAI  
KELUARAN 32



ASYERA – DEWI  
TERTINGGI TIRUS  
HAKIM-HAKIM 6:24-32

DAGON – DEWA LUATAN  
DAN PERTANIAN ORANG  
FILISTIN, BAPA KEPADA  
DEWA BAAL

HAKIM-HAKIM 16:23-30,  
1 SAMUEL 5:1-7



NANNA – DEWA BULAN  
ORANG UR

DISEMBAH OLEH ABRAHAM  
SEBELUM DIA DISELAMATKAN  
TUHAN.  
YOSUA 24:2

MOLOKH – DEWA  
ORANG AMON.

I RAJA-RAJA 11:7;  
II TAWARIKH 28:14, 33:6

ASYTORET – DEWI ORANG  
KANAAN, DIKAITKAN  
DENGAN DEWA BAAL

I SAMUEL 7:3-4

PATUNG LEMBU EMAS  
DI DAN AND BETEL

I RAJA-RAJA 12:28-31

BAAL—DEWA  
TERTINGGI  
DI KANAAN

II RAJA-RAJA 18:17-40;  
II RAJA-RAJA 10:28, 11:18

RIMON—DEWA  
SIRIANA AMAN YANG  
BERPENYAKIT KUSTA.

II RAJA-RAJA 5:15-19

MERODAKH—DEWA  
TERTINGGI KUIL BABEL

YEREMIA 50:2

TAMUS—SUAMI DAN  
SAUDARA ASYERA / ISHTAR,  
DEWI KESUBURAN.

YEHEZKIEL 8:14

**NISROKH- DEWARAJA  
SANHERIB DARI ASYUR  
II RAJA-RAJA 19:37**



**NEBO- DEWA  
KEBIJAKSANAAN DAN  
SASTERA BABEL**

**YESAYA 46:1**



**PATUNG EMAS NEBUKADNEZAR  
DI DATARAN DURA**

**DANIEL 2**



# RAJA-RAJA ISRAEL (KERAJAAN TERBAHAGI)

SEMUA TARIKH S.M.



YEROBEAM I  
931-913



NADAB  
910-909



BAESA  
909-886



TIBNI  
885-880



OMRI  
885-874



YEHU  
841-814



YEOHACHAS  
814-798



YEOHOSH  
798-782



SALUM  
752



MENAHAM  
752-742



ELAH  
836-835



ZIMRI  
885



AHAB  
853-852



AHAZIA  
853-852



YEHORAM  
852-841



YEROBEAM II  
793-753



ZAKHARIA  
753



PEKAHIA  
742-740



PEKAH  
752-732



HOSHEA  
732-722

# RAJA-RAJA YEHUDA (KERAJAAN TERBAHAGI)

SEMUA TARIKH S.M.





ASA  
911-870



YOSAFAT  
873-848



YEHORAM  
853-841



AMAZIA  
796-767



AZARYA  
790-739



HIZKIA  
715-686



MANASYE  
695-642



AMON  
642-640



YEHOYAKHIN  
597



ZEDEKIA  
597-586

SELEPAS KEMATIAN SALOMO, ANAKNYA REHABEAM  
PERGI KE SIKHEM UNTUK DIJADIKAN RAJA.



PARA PENATUA JUGA MEMANGGIL YEROBEAM  
UNTUK BERANGKAT DARI MESIR.



AYAHANDA TUANKU  
TELAH MEMPERLAKUKAN  
HAMBA SEMUA DENGAN  
KASAR.

KAMI TIDAK MAHU TUANKU  
MEMERINTAH KAMI KECUALI  
KALAU TUANKU BERJANJI UNTUK  
MEMPERLAKUKAN HAMBA  
SEKALIAN DENGAN BAIK.



DATANGLAH  
LAGI SELEPAS TIGA  
HARI - BETA AKAN  
MEMBERI JAWAPAN.



SETIAP KAMU  
MENASIHATI BAPAKU -  
JAWAP BETA - APAKAH  
NASIHATMU TERHADAP  
PERMINTAAN RAKYAT INI?

JIKA TUANKU  
HENDAK BERBAKTI KEPADA  
RAKYAT, KABULKANLAH  
PERMINTAAN MEREKA-  
TUANKU BOLEH MENJADI  
RAJA KEKAL MEREKA.



PENASIHAT  
BAPAKU BERKATA...

KAMI TELAH  
MENUNGGU PELUANG  
UNTUK MEMBERI TUANKU  
NASIHAT PANDANGAN  
BARU... BUKAN IKUTI  
NASIHAT ORANG TUA INI...  
DENGAN CARA-CARA  
LAMA MEREKA.

INILAH  
NASIHAT KAMI...







KUMPULKAN SEMUA  
ASKAR YEHUDA – SEMUA  
180,000 MEREKA.

BETA AKAN MEMBERI  
SEMUA PEMBERONTAK  
ITU SUATU PENGAJARAN  
YANG MEREKA TIDAK  
AKAN LUPA!



NABI SEMAYA –  
NABI TUHAN, MENGAPA  
KAMU MENGHALANG  
BETA?

BETA INGIN  
MEMBALAS DENDAM  
DENGAN MUSUH  
TUHAN-KU.



KAMU TIDAK BOLEH  
MENYERANG ORANG  
ISREAL – ORANG YEHUDA  
DAN BENYAMIN TIDAK AKAN  
MENYERANG SAUDARA-  
SAUDARA MEREKA.

TUHAN BERFIRMAN  
KEPADA MEREKA UNTUK  
PULANG – SEMUA YANG  
TELAH BERLAKU ADALAH  
KEHENDAK-NYA.



SEMENTARA ITU...

YEROBEAM MENDIRIKAN DUA PATUNG LEMBU JANTAN  
DI BAHAGIAN UTARA DAN SELATAN ISREAL SUPAYA  
RAKYATNYA BOLEH BERIBADAT DI SANA DAN TIDAK  
PERLU MENYEBERANG KE YERUSALEM UNTUK BERIBADAT.







MARILAH MAKAN DI RUMAH BETA - DAN BETA AKAN MEMBERI GANJARAN KEPADA KAMU KERANA MENYEMBUH LENGAN BETA.

WALAU PUN TUANKU MEMBERI HAMBA SEPARUH DARIPADA KERAJAAN TUANKU, HAMBA TIDAK AKAN IKUT. TUHAN TELAH MEMERINTAH HAMBA SUPAYA TIDAK MAKAN ATAU MINUM APA-APA PUN - HANYA MENGAMBIL JALAN YANG LAIN UNTUK PULANG.



AYAH - KAMU TIDAK AKAN PERCAYA APA KAMI TELAH LIHAT DI BETEL. SEORANG NABI MEMANGGIL KUTUKAN TUHAN KE ATAS MEZBAH RAJA YEROBEAM - KEMUDIAN DIA MENYEMBUH LENGAN RAJA YANG TUHAN TELAH KEJANGKAN.

DI MANA DIA - SAYA HARUS BERTEMU DENGANNYA.



KAMUKAH NABI DARI YEHUDA ITU?

YA.

MARILAH PULANG DAN MAKAN BERSAMA SAYA.



TUHAN TELAH MELARANG SAYA MAKAN ATAU MINUM APA-APA, DAN MELARANG SAYA PULANG MENGIKUTI JALAN SAYA MENGGUNAKAN DAHULU.

SAYA PUN SEORANG NABI DAN SEORANG MALAIKAT TELAH MENYURUH SAYA MEMBAWA TUAN PULANG DAN MENJAMU TUAN DI RUMAH SAYA.



MENGIKARI ARAHAN JELAS TUHAN, NABI ITU PUN MENGIKUTINYA.



WALAUPUN SELEPAS SEMUA INI, RAJA YEROBEAM, MASIH TIDAK MENINGGALKAN PERBUATAN JAHATNYA ...DAN PUTERANYA JATUH SAKIT.



PUTERA KAMI SAKIT TENAT - KAMI HARUS LAKUKAN SESUATU.

MENYAMARLAH DIRIMU DAN PERGI KE SILO, TEMPAT TINGGAL AHIA - NABI YANG FIRMAKAN BAHAWA AKU AKAN MENJADI RAJA ISRAEL.

BAWA UNTUKNYA SEPULUH BUKU ROTI, BEBERAPA KETUL KUIH, DAN SEBOTOL MADU. TANYALAH DIA SAMA ADA PUTERA KAMI AKAN SEMBUH ATAU TIDAK.



AHIA TIDAK DAPAT MELIHAT LAGI KERANA SUDAH LANJUT USIANYA.

TETAPI TUHAN TELAH MEMBERITAHUNYA BAHAWA PERMAISURI YANG MENYAMAR DIRINYA AKAN DATANG UNTUK BERTANYA TENTANG PUTERANYA YANG SAKIT - DAN TUHAN TELAH BERITAHU DIA APA YANG HARUS DIKATAKANNYA.



SILA MASUK ISTERI YEROBEAM! MENGAPA BERPURA-PURA MENJADI ORANG LAIN?

HAMBA ADA BERITA SEDIH UNTUK TUANKU.



PERGI BERITAHU SUAMI-MU, INI FIRMAN TUHAN ISRAEL KEPADA BAGINDA, 'AKU MEMILIH ENKAU ANTARA RAKYAT, DAN AKU MENJADIKAN ENKAU RAJA UMAT ISRAEL.





"AKU MENGAMBIL KERAJAAN DAUD DARIPADA KETURUNANNYA DAN MEMBERIKANNYA KEPADAMU. TETAPI ENKAU TIDAK SETIA DAN TAAT KEPADA-KU SEPERTI HAMBAKU DAUD."



"DOSAMU LEBIH BESAR DARIPADA ORANG YANG MEMERINTAH SEBELUM INI. ENKAU MEMBANGKITKAN KEMURKAAAN-KU DENGAN PATUNG LEMBU EMAS ENKAU."

"KERANA ENKAU MENOLAK AKU, AKU AKAN MENDATANGKAN MALAPETAKA KEPADA KETURUNANMU DAN MEMBUNUH SEMUA KETURUNAN LELAKIMU — ANAK YANG SAKIT INI DAN SEMUA YANG SIHAT JUGA."



"AKU AKAN MELENYAPKAN KELUARGAMU DAN MEREKA AKAN DISAPU HABIS SEPERTI NAJIS."

"SEMUA ANGGOTA KELUARGAMU YANG MATI DI DALAM KOTA AKAN DIMAKAN OLEH ANJING, DAN YANG MATI DI PADANG AKAN DIMAKAN OLEH BURUNG."



PULANGLAH. SEBAIK SAHAJA TUANKU MASUK KE KOTA, PUTERA TUANKU AKAN MANGKAT. DAN SEGENAP UMAT ISRAEL AKAN MERATAPI.

PUTERA ITULAH SATU-SATUNYA ANGGOTA KELUARGA RAJA YEROBEAM YANG AKAN DIMAKAMKAN SECARA TERHORMAT, KERANA PUTERA ITU SAHAJA YANG TUHAN, ALLAH ISREAL, PERKENANKAN.



TUHAN AKAN MELANTIK SEORANG RAJA UNTUK ISRAEL, DAN RAJA ITU AKAN MEMUSNAHKAN YEROBEAM.

TUHAN AKAN MENGHUKUM UMAT ISRAEL SEHINGGA MEREKA TERGOYANG SEPERTI GELAGAH DI DALAM AIR.

TUHAN AKAN MENCABUT UMAT ISRAEL DARI TANAH YANG BAIK INI, DAN MENGHAMBURKAN MEREKA DI SEBERANG SUNGAI EFRAT...



"... KERANA MEREKA TELAH MEMBANGKITKAN KEMURKAAAN-NYA KETIKA MEREKA MENYEMBAH PATUNG-BERHALA."

"TUHAN AKAN MENINGGALKAN ISRAEL, KERANA RAJA YEROBEAM TELAH BERDOSA DAN MENYEBABKAN UMAT ISRAEL BERDOSA."

PUTERA YEROBEAM MATI, BEGITU  
JUGA DENGAN YEROBEAM.

**TIDAK!!!**

SEGALA PERBUATAN RAJA YEROBEAM, PEPERANGAN DAN  
PEMERINTAHANNYA, TERCATAT DI DALAM BUKU SEJARAH  
RAJA-RAJA ISRAEL - TETAPI DIA MEMIMPIN ORANG ISREAL DALAM  
DOSA BESAR DENGAN MENYEMBAH PATUNG-PATUNG BERHALA.

SEMENTARA ITU, DI YEHUDA, RAJA  
MEREKA REHABEAM, JUGA MEMIMPIN  
UMATNYA UNTUK BERDOSA.

SEPERTI ORANG YANG MENDIAMI TANAH ITU DULU, UMAT YEHUDA  
MELIBATKAN DIRI DALAM PENCABULAN DAN PELACURAN DI TANAH ITU.

RAJA SISAK DARI  
MESIR- DIA DATANG  
DENGAN TENTERANYA!

NABI-NABI ITU  
BERCAKAP BENAR.  
TUHAN AKAN  
MENGHUKUM KITA  
KERANA TIDAK  
MENTAATINYA.

RAJA SISAK DAN TENTERANYA  
MENYERANG AND MENCEROBOH ISREAL.

DIA HANYA INGINKAN  
SATU PERKARA...

**BOOM**



RAMPASKAN SEMUA  
HARTA DI RUMAH TUHAN  
DAN DI ISTANA, TERMASUK  
PERISAI-PERISAI EMAS.

SEMUA HARTA ITU  
AKAN MENGHIASI  
ISTANA **BETA**.



LEPASKAN RAJA  
MEREKA. KAMI AKAN  
KEMBALI - PENUH DENGAN  
SEMUA HARTA  
YERUSALEM.

BIARLAH INI  
MENJADI SUATU  
PENGAJARAN KEPADA  
RAJA MEREKA.



SELEPAS RAJA SISAK MENGAMBIL SEMUA  
KEKAYAAN MEREKA, REHABEAM BUATKAN  
PERISAI-PERISAI GANGSA, SEBAGAI UNTUK  
MENGGANTIKAN PERISAI-PERISAI EMAS ITU.

DIA KEMUDIAN MANGKAT - DAN ABIAM,  
PUTERANYA MENGGANTIKANNYA SEBAGAI RAJA.

ABIAM MENGGANTI BAPANYA YEROBEAM SEBAGAI RAJA - SEPERTI AYAHNYA, RAJA ABIAM JUGA BERDOSA DAN TIDAK TAAT KEPADA TUHAN.

BIARKAN KUIL PELACUR  
LELAKI MENETAP DI TANAH  
INI DAN TIANG BERHALA  
ASYERA MENETAP DI  
TEMPAT-TEMPAT  
BERIBADAT.[1]

[1] TEMPAT-TEMPAT BERIBADAT MEREA ADALAH UNTUK MENYEMBAH DEWA-DEWI KAFIR DAN IA JUGA DIJADIKAN TEMPAT PENGORBANAN HAIWAN, PELACURAN, PEMBAKARAN KEMENYAN DAN PENGORBANAN MANUSIA.

MEREKA MEMPUYAI IMAM TINGGI YANG MEMIMPIN MEREKA UNTUK MENYEMBAH DEWA-DEWI BAAL DAN ASYERA - TERMASUK DEWA-DEWI MATAHARI, BULAN DAN BINTANG-BINTANG DAN SEMUA KAYANGAN DI SYURGA. [2]

[2] TERDAPAT UKIRAN TIANG KESUBURAN DI TEMPAT-TEMPAT IBADAT INI, MELAMBANGKAN KEHADIRAN DEWI KESUBURAN DAN DEWA-DEWA LAIN.

SEPANJANG HAYAT RAJA ABIAM, ISREAL AND YEHUDA TETAP BERPERANG.

TETAPI TUHAN HANYA MEMBENARKAN DIA MEMERINTAH SELAMA TIGA TAHUN DAN SELEPAS ITU, DIA MATI.

TETAPI TUHAN MEMBERINYA SEORANG ANAK LELAKI, ASA, YANG TIDAK BERTINGKAH LAKU SEPERTI AYAHNYA.



MUSNAHKAN INI. MATAKU TIDAK MAHU MELIHAT TEMPAT BERDOSA INI.

SINGKIRKAN SEMUA PATUNG-PATUNG BERHALA YANG DIBUAT OLEH RAJA-RAJA SEBELUM BAGINDA DI RUMAH IBADAT TUHAN.



SAYA NENEK-MU - TUANKU TIDAK BOLEH SINGKIRKAN HAMBA DARI ISTANA!

NENEK TELAH BUATKAN SEBUAH PATUNG LUCIAH - SEPERTI YANG DILAKUKAN OLEH ORANG YANG MENDIAM I TANAH INI DULU.

KAMU INGIN TUHAN MENYINGKIRKAN KAMI SEPERTI MANA DIA MENYINGKIRKAN MEREKA DULU? OLEH ITU, NENEK BUKAN LAGI BONDA RATU.



PENUHI RUMAH IBADAT INI DENGAN SEMUA BENDA YANG TELAH DITAHBISKAN.

KITA AKAN MENYEMBAH TUHAN ALLAH.

TETAPI RAKAN SEJAWATANNYA DI ISREAL, RAJA BAESA, TELAH SEDIA UNTUK BERPERANG.



KUKUKKAN BILANGAN TENTERA KAMI. BAESA TELAH MENGAMBIL TAKHTA ISREAL. DIA TELAH MEMBUNUH NADAB, PUTERA YEROBEAM. TUHAN TIDAK AKAN BENARKAN DIA HIDUP.

SELEPAS DIA MEMBUNUH PUTERA YEROBEAM, BAESA MEMENUHI FIRMAN TUHAN SEPERTIMANA NABI AHIA TELAH KATAKAN.

BUNUH SEMUA ANGGOTA KELUARGA YEROBEAM – JANGAN BIAR SESIAPA PUN HIDUP.

BAESA BUKAN SAHAJA SEORANG PEMBUNUH – TETAPI DIA JUGA BERDOSA SEPERTI YEROBEAM.

JADI TUHAN BERFIRMAN KEPADANYA – MELALUI NABI YEHU.

“AKU TELAH MENJADIKAN ENKAU PEMIMPIN UMAT-KU ISRAEL. SEKARANG ENKAU BERDOSA SEPERTI YEROBEAM.”

“ENKAU MENYEBABKAN UMAT-KU JUGA BERDOSA DAN INI TELAH MEMBANGKITKAN KEMURKAAN-KU!”

“AKU AKAN MELENYAPKAN ENKAU SERTA KELUARGAMU, SEPERTI APA YANG SAYA TELAH LAKUKAN KEPADA KELUARGA YEROBEAM.”

“SEMUA ANGGOTA KELUARGAMU YANG MENINGGAL DI KOTA AKAN DIMAKAN ANJING, DAN YANG MATI DI PADANG AKAN DIMAKAN BURUNG.”



RAJA BAESA DARI ISREAL TELAH MEMPERKUATKAN KOTA RAMA DAN TELAH MENUTUPI JALAN KELUAR MASUK.

KITA AKAN SENTIASA BERPERANG SELAMA PEMERINTAHAN RAJA BAESA.

BAWALAH PESANAN INI KEPADA RAJA ASA YANG MEMERINTAH DI DAMSYIK.



TUANKU RAJA ASA INGIN MENGIKAT PERSAHABATAN SEPERTI YANG DILAKUKAN AYAHANDA TUANKU-TUANKU DAHULU.

PUTUSKANLAH HUBUNGAN TUANKU DENGAN RAJA BAESA DI ISRAEL, SUPAYA RAJA ISRAEL ITU TERPAKSA MENARIK BALIK TENTERANYA.



EMAS DAN PERAK INI HADIAH UNTUK TUANKU SEBAGAI TANDA PERJANJIAN.

TENTERA-KU AKAN BERTOLAK DALAM SEMINGGU.



TENTERA ARAM MENGAKIBATKAN KEHILANGAN BESAR DI ISREAL, SEHINGGA BAESA BERHENTI MEMPERKUATKAN KUASANYA DI YEHUDA.



KEMUDIAN RAJA ASA MENGGUNAKAN BATU DAN BALAK YANG DIGUNAKAN OLEH RAJA BAESA, UNTUK MEMPERKUATKAN KOTA-KOTANYA DI MIZPA DAN GEBÄ.



BAESA, RAJA ISREAL  
MANGKAT DAN SEMUA  
MENGINGATI KEJAHATAN DAN  
DOSA YANG DIA TELAH  
LAKUKAN DI MATA TUHAN.



ELA, PUTERANYA, MENGGANTIKAN  
BAGINDA SEBAGAI RAJA – TETAPI  
DIBUNUH DUA TAHUN KEMUDIAN.

APABILA DIA MINUM SEHINGGA MABUK DI RUMAH  
PENGURUS ISTANANYA, DIA DIBUNUH OLEH SEORANG  
PEGAWAI RAJANYA, ZIMRI.



ASA MEMERINTAH  
YEHUDA SELAMA  
40 TAHUN.

PADA MASA TUANYA, KAKI  
BAGINDA TERKENA PENYAKIT  
PARAH.



TETAPI APABILA DIA MENINGGAL,  
DIA DIINGATI SEBAGAI ANTARA SATU  
RAJA YANG MENTAATI TUHAN  
SEPENUHNYA, SELURUH HIDUPNYA.

KEPAHLAWANAN BAGINDA DAN KOTA-KOTA  
YANG DIBINA OLEH BAGINDA, TERCATAT  
DI DALAM BUKU SEJARAH RAJA-RAJA YEHUDA.



SEBAIK SAHAJA ZIMRI MENJADI RAJA, DIA  
MEMBUNUH SEMUA ANGGOTA KELUARGA RAJA BAESA.

SEMUA ANGGOTA KELUARGA BAESA DIBUNUH - MENURUT  
FIRMAN TUHAN YANG DISAMPAIKAN OLEH NABI YEHU.

TETAPI MASA PEMERINTAHANNYA TIDAK KEKAL LAMA.  
TENTERANYA DAN RAMAI ORANG ISREAL MELANTIK OMRI,  
PANGlima TENTERA MEREKA, MENJADI RAJA ISRAEL.



SELURUH TENTERA ISREAL MENYERANG ZIMRI,  
YANG PADA MASA ITU, BERADA DI ISTANA DI TIRZA.

TEMPATKAN TENTERA  
TERBAIK KAMU DI PINTU KOTA.



SELEPAS TENTERA ISRAEL MENCEROBOH KOTA ITU, ZIMRI  
MASUK KE DALAM KUBU KOTA DAN MEMBAKAR ISTANA ITU.

DIA MATI KERANA DOSA-DOSANYA TERHADAP TUHAN.




ORANG ISRAEL TERBAHAGI KEPADA DUA PIHAK, ADA YANG INGIN TIBNI MENJADI RAJA -  
TETAPI OMRI DAN PENGIKUTNYA MENGHALANG PEMBANGKANGNYA DAN TIBNI MATI.



APABILA DIA MENJADI RAJA,  
DIA DIKENALI DENGAN DUA PERKARA:

SATU, DIA BELIKAN  
SEBUAH BUKIT DAN  
MENJADIKANNYA  
SEBUAH KOTA YANG  
BERNAMA SAMARIA.



TETAPI YANG KEDUA, DAN YANG LEBIH TERUK,  
DIA MEMBANGKITKAN KEMURKAAN TUHAN



SELAMA 12 TAHUN, DIA BERDOSA DAN  
MEMIMPIN UMAT ISRAEL  
MENYEMBAH BERHALA.

RAJA YANG PALING TERKENAL  
DI DALAM SEJARAH ISREAL,  
PUTERANYA, AHAB,  
MENGANTIKAN BAGINDA  
SEBAGAI RAJA.



**SUPERBIBLE.TV**